

300 tukun tiruan dilabuh

HM 22/07/04 MS 20

Pasir Puteh: Sebanyak

juta.

300 unit tukun tiruan dilabuhkan di Kelantan membabitkan peruntukkan RM5.8 juta sejak 17 tahun lalu.

Tukun tiruan berkonsepkan rekreasi dan konservasi itu dilabuhkan bagi tujuan meningkatkan sumber perikanan negeri yang dilaksanakan sejak 2007.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Kelantan Dr Erniyta Osman berkata, Kelantan menerima peruntukkan paling tinggi tahun ini iaitu sebanyak 70 unit tukun tiruan membabitkan kos RM2.2

Menurutnya, empat daerah penurunan tukun adalah di Tok Bali dan Semerak, Pasir Puteh; Pantai Irama dan Kemasin, Bachok; Kuala Besar, Kota Bharu dan Kuala Tumpat, Tumpat.

"Bagi fasa pertama, sebanyak 12 unit tukun membabitkan kos RM400,000 diturunkan kira-kira lima batu nautika di perairan Tok Bali.

"Tujuh unit akan dilabuhkan di Tumpat, 17 (Kuala Besar), 17 di Pantai Irama dan 12 lagi di Tok Bali sekali lagi," katanya di sini, semalam.